

**UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**EDISI SEMAKAN**

**PENGGAL 89**

**SYARIKAT-SYARIKAT KEWANGAN**

**SUSUNAN BAB-BAB**

**Bab**

**BAHAGIAN I**

**PERMULAAN**

1. Gelaran pendek
2. Tafsiran

**BAHAGIAN II**

**MEMBERI LESEN BAGI SYARIKAT-SYARIKAT  
KEWANGAN**

3. Memberi lesen bagi syarikat-syarikat kewangan
4. Penggunaan perkataan-perkataan “syarikat kewangan”

5. Pemeriksaan orang-orang yang disyaki mengurus perniagaan kewangan
6. Permohonan mendapatkan lesen
7. Modal yang serendah-rendahnya yang dikehendaki dari sesebuah syarikat kewangan
8. Sekatan terhadap membuka cawangan sesebuah syarikat kewangan
9. Percantuman dsb., sebuah syarikat kewangan
10. Pindaan perlembagaan sesebuah syarikat kewangan
11. Pembatalan lesen
12. Penyiaran senarai syarikat-syarikat kewangan

### BAHAGIAN III

#### KUMPULAN-KUMPULAN WANG CADANGAN, PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN-KEUNTUNGAN, KUNCI KIRA-KIRA DAN MAKLUMAT

13. Mengadakan kumpulan wang cadangan oleh syarikat kewangan
14. Sekatan mengenai pembayaran keuntungan-keuntungan oleh syarikat-syarikat kewangan
15. Mempamerkan kunci kira-kira oleh syarikat-syarikat kewangan
16. Maklumat dan perangkaan hendaklah diberikan oleh syarikat-syarikat kewangan

### BAHAGIAN IV

#### PERATURAN PERNIAGAAN

17. Pengakuan berhutang
18. Wang-wang simpanan tuntutan, urusan-urusan mengenai pertukaran wang asing, dsb., oleh syarikat-syarikat kewangan

- 
19. Urusan oleh sesebuah syarikat kewangan dalam saham-sahamnya sendiri, dsb.
  20. Sekatan-sekatan perdagangan oleh syarikat-syarikat kewangan
  21. Sekatan-sekatan terhadap penanaman-penanaman modal oleh syarikat-syarikat kewangan
  22. Sekatan-sekatan terhadap pegangan harta tak alih oleh syarikat-syarikat kewangan
  23. Menghapuskan urusan-urusan yang dilarang oleh syarikat-syarikat kewangan
  24. Perintah-perintah oleh Menteri

#### BAHAGIAN V

#### ASET CAIR YANG MINIMUM

##### Aset Cair

25. Pegangan aset cair yang minimum oleh syarikat-syarikat kewangan

#### BAHAGIAN VI

#### PEMERIKSAAN SYARIKAT-SYARIKAT KEWANGAN

26. Pemeriksaan syarikat-syarikat kewangan
27. Kuasa-kuasa Menteri untuk mengeluarkan perintah-perintah selepas sesuatu pemeriksaan

BAHAGIAN VII

MENGEMUKAKAN AKAUN DAN LAPORAN  
JURUAUDIT

28. Pengarah hendaklah mengemukakan salinan-salinan akaun-akaun untung rugi dan juruaudit hendaklah mengemukakan salinan laporannya kepada Menteri

BAHAGIAN VIII

RAMPAIAN

29. Gantirugi
30. Syarikat Kewangan yang tidak dapat memenuhi kewajipan-kewajipan hendaklah memberitahu Menteri
31. Penangguhan rasmi
32. Memorandum dan peraturan-peraturan persatuan bagi sesebuah syarikat kewangan
33. Pembatalan kelayakan pengarah-pengarah sesebuah syarikat kewangan
34. Hukuman bagi kesalahan-kesalahan yang tidak ada diperuntukkan
35. Kesalahan-kesalahan oleh pengarah-pengarah atau pengurus-pengurus
36. Mengaku sebagai syarikat kewangan
37. “Fiat” Peguam Negara
38. Pengecualian-pengecualian
39. Syarat-syarat peruntukkan penggulungan
40. Penebusan cagaran-cagaran yang dipegang oleh syarikat kewangan

41. Perjalanan kuatkuasa Akta tidak akan menyentuh Akta Syarikat-Syarikat
  42. Peraturan-peraturan
  43. Majistret hendaklah mempunyai bidangkuasa penuh
-

## SYARIKAT-SYARIKAT KEWANGAN

14 tahun 1972 **Satu Akta untuk memberi lesen dan mengawal Syarikat-Syarikat Kewangan dan bagi perkara yang berkaitan dengannya.**

E.1/73

*Permulaan kuatkuasa : 1hb. Ogos, 1973*

Gelaran pendek

1. Akta ini boleh digelar sebagai Akta Syarikat-Syarikat Kewangan.

Tafsiran

2. Dalam Akta ini, kecuali jika maksudnya berkehendakan makna yang lain —

“juruaudit” bermakna sesiapa jua yang diakui oleh Menteri sebagai juruaudit syarikat kewangan bagi maksud-maksud Akta ini ;

Penggal 39

“syarikat” bermakna sesebuah syarikat yang ditubuhkan atau didaftarkan di bawah Akta Syarikat-Syarikat ;

“wang simpanan” bermakna suatu pinjaman wang yang dikenakan faedah atau yang boleh dibayar balik dengan suatu premium tetapi tidak termasuk sesuatu pinjaman kepada sesebuah syarikat atau perbadanan lain mengikut syarat-syarat yang melibat pengeluaran surat-surat cagaran pinjaman wang (debentures) atau cagaran-cagaran lain ;

“penyimpan wang” bermakna seseorang yang berhak, atau bakal berhak, mendapat bayaran balik suatu wang simpanan sama ada dibuat olehnya atau tidak ;

“pengarah” termasuk sesiapa jua yang menyandang jawatan pengarah bagi sesebuah syarikat kewangan dengan apa jua nama yang dipanggil dan termasuk

seseorang yang menurut arahan-arahan atau perintah-perintahnya pengarah-pengarah sesebuah syarikat kewangan biasa bertindak dan seseorang pengarah giliran atau gantian ;

“syarikat kewangan” bermakna sebarang syarikat yang diberi lesen di bawah Akta ini, untuk menjalankan perniagaan urusan kewangan, dan semua cawangan dan pejabat syarikat sedemikian di Negara Brunei Darussalam hendaklah dianggap sebagai sebuah syarikat kewangan bagi maksud Akta ini ;

“perniagaan urusan kewangan” bermakna perniagaan –

(a) meminjam wang dari orang ramai, dengan jalan menerima wang simpanan dan mengeluarkan sijil atau dokumen-dokumen lain yang mengakui atau membuktikan ianya berhutang kepada orang ramai dan berjanji akan membayar balik wang itu manakala dipinta atau setelah cukup sesuatu tempoh yang dipersetujui ;

(b) meminjamkan wang kepada orang ramai atau kepada sesebuah syarikat yang berasaskan bahawa orang ramai atau syarikat itu berjanji akan membayar balik wang itu, sama ada dalam tempoh yang dipersetujui atau tidak, atau dengan beransur-ansur, dan adalah termasuk perniagaan mengadakan wang bagi urusan-urusan sewa beli yang berbangkit daripada perjanjian-perjanjian sewa beli jika wang yang digunakan, atau akan digunakan kerana perniagaan tersebut adalah dipinjam dari orang ramai ;

“syarikat awam” bermakna sesebuah syarikat yang ditubuhkan di Negara Brunei Darussalam selain dari sesebuah syarikat sendirian.

## BAHAGIAN II

MEMBERI LESEN BAGI SYARIKAT-SYARIKAT  
KEWANGAN

Memberi  
lesen  
bagi syarikat-  
syarikat  
kewangan

3. (1) Tiada sebarang perniagaan urusan kewangan boleh dijalankan di Negara Brunei Darussalam kecuali oleh sesebuah syarikat yang mempunyai suatu lesen yang sah yang diberi oleh Menteri yang membenarkannya menjalankan perniagaan urusan kewangan menurut syarat dari Akta ini.

(2) Sesiapa jua yang melanggar syarat-syarat cerai (subsection) (1) dari bab ini adalah bersalah ; Hukuman, di penjara selama 5 tahun dan didenda \$20,000.

Penggunaan  
perkataan-  
perkataan  
“syarikat  
kewangan”

4. Tiada seseorang atau sekumpulan orang pun, sama ada diperbadankan atau tidak, selain dari sesebuah syarikat kewangan yang diberi lesen di bawah Akta ini boleh, tanpa kebenaran Menteri, menggunakan perkataan-perkataan “syarikat kewangan” atau sebarang perkataan yang terbit daripadanya dalam apa jua bahasa, atau apa jua perkataan lain yang menunjukkan bahawa ia menguruskan perniagaan kewangan, dengan nama, rupa atau gelaran di bawah mana orang atau kumpulan orang tersebut menjalankan perniagaan di Negara Brunei Darussalam atau membuat atau terus membuat sebarang pernyataan untuk tujuan sedemikian dalam mana-mana kepala bil, kepala surat, notis, iklan atau dengan apa jua cara lain :

Dengan syarat bahawa tiada sebarang apa di dalam bab ini akan melarang sesebuah persatuan syarikat kewangan yang dibentuk kerana perlindungan kepentingan bersama dari menggunakan perkataan “syarikat kewangan” atau sebarang perkataan yang terbit daripadanya dalam apa jua bahasa sebagai sebahagian dari namanya atau kenyataan dari kegiatan-kegiatannya.



5. (1) Bilamana Menteri mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa seseorang itu menjalankan perniagaan kewangan tanpa sesuatu lesen, maka ia boleh meminta buku-buku, kira-kira serta rekod-rekod dari orang tersebut untuk menentukan sama ada atau tidak orang itu telah melanggar atau ada melanggar sebarang syarat dari Akta ini, dan barangsiapa yang dengan senghaja enggan mengemukakan buku-buku, kira-kira dan rekod-rekod tersebut adalah bersalah ; Hukuman dipenjarakan selama 2 tahun dan didenda \$4,000.

Pemeriksaan orang-orang yang disyaki mengurus perniagaan kewangan

(2) Apabila didapati sabit kesalahan seseorang itu di bawah ceraiian (1) dari bab ini maka sesebuah Mahkamah Majistret berkuasa untuk memerintah supaya dikemukakan mana-mana buku, kira-kira dan rekod-rekod kepada Menteri dan barangsiapa yang gagal mematuhi perintah tersebut adalah bersalah ; Hukuman, dipenjarakan selama 2 tahun dan didenda \$4,000 dan, mengenai sesuatu kesalahan yang terus dilakukan, suatu denda yang tidak lebih dari seratus ringgit bagi tiap-tiap hari tatkala mana kesalahan itu terus dilakukan.

6. (1) Mulai dari tarikh berjalannya kuatkuasa Akta ini, mana-mana syarikat awam yang bercadang hendak menjalankan perniagaan urusan kewangan di Negara Brunei Darussalam hendaklah, sebelum memulakan sebarang perniagaan sedemikian memohon dengan secara bertulis kepada Menteri bagi mendapatkan suatu lesen di bawah Akta ini.

Permohonan mendapatkan lesen

(2) Tatkala menimbangkan sesuatu permohonan oleh sesebuah syarikat awam bagi mendapatkan suatu lesen maka Menteri boleh meminta keterangan untuk memuaskan hatinya berkenaan dengan —

- (a) keadaan kewangan syarikat itu ;
- (b) hal keadaan mengenai pengurusan syarikat itu ;
- (c) kecukupan, struktur asas permodalan dan kemungkinan-kemungkinan pendapatan syarikat itu ;

(d) tujuan-tujuan syarikat itu sebagaimana dinyatakan dalam memorandum persatuannya ;

(e) kemudahan dan keperluan-keperluan masyarakat yang akan diberikan ; dan

(f) sama ada kepentingan awam akan dapat dipenuhi dengan pemberian sesuatu lesen.

(3) Menteri, boleh memberi sesuatu lesen sama ada dengan bersyarat atau tidak, atau enggan memberi sesuatu lesen.

(4) Menteri boleh pada bila-bila masa mengubah atau membatalkan mana-mana syarat yang ada pada sesuatu lesen atau mengenakan syarat-syarat tambahan.

(5) Jika sesuatu lesen yang diberi tertakluk kepada syarat-syarat maka syarikat kewangan itu hendaklah mematuhi syarat-syarat itu dan mana-mana syarikat kewangan yang gagal mematuhi sebarang syarat dari lesennya adalah bersalah ; Hukuman ; didenda \$2,000.

Modal yang serendah-rendahnya yang dikehendaki dari sesebuah syarikat kewangan

7. Tertakluk kepada syarat-syarat dari Akta ini, tiada sebarang syarikat kewangan boleh diberi atau boleh memegang sesuatu lesen melainkan modalnya, yang telah dikeluarkan dan dibayar dengan wang tunai, dan tidak menjadi lemah oleh kerugian atau lain-lain hal, adalah tidak kurang dari \$1,000,000.

Sekatan terhadap membuka cawangan sesebuah syarikat kewangan

8. (1) Tiada sebarang syarikat kewangan boleh membuka sebarang cawangan, ejen atau pejabat baru, sama ada di dalam atau di luar Negara Brunei Darussalam tanpa mengemukakan sesuatu permohonan secara bertulis kepada Menteri.

(2) Tatkala menimbangkan permohonan tersebut, Menteri boleh meminta keterangan untuk memuaskannya dengan mengadakan suatu pemeriksaan di bawah bab 26 dari Akta ini atau dengan jalan lain, tentang –

- (a) keadaan kewangan syarikat itu ;
- (b) hal keadaan mengenai pengurusan syarikat itu ;
- (c) kecukupan asas permodalan dan kemungkinan pendapatan itu ;
- (d) kemudahan dan keperluan-keperluan masyarakat yang akan diberikan ; dan
- (e) sama ada kepentingan awam akan dapat diberi dengan pembukaan atau, mengikut mana yang berkenaan, penukaran kedudukan tempat perniagaan.

(3) Setelah berpuas hati berkenaan dengan perkara-perkara yang disebutkan dalam ceraiian (2) dari bab ini, maka Menteri boleh —

- (a) mempersetujui permohonan itu ; atau
- (b) tanpa mengemukakan sebarang sebab terhadapnya, enggan membenarkan permohonan itu,

dan keputusannya itu adalah muktamad.

(4) Mana-mana syarikat kewangan yang gagal mematuhi ceraiian (1) dari bab ini adalah bersalah ; Hukuman, didenda \$2,000 bagi setiap hari tatkala keenggaran itu terus dilakukan.

9. (1) Tiada sebarang syarikat kewangan yang menjalankan perniagaan di Negara Brunei Darussalam boleh dicantum atau disatukan dengan atau memperolehi kepentingan lebih suara di dalam mana-mana syarikat kewangan lain tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Menteri.

Percantuman  
dsb., sebuah  
syarikat  
kewangan

(2) Tatkala menimbangkan sesuatu permohonan sedemikian, Menteri berkuasa untuk meminta apa jua maklumat yang ia mungkin mengkehendaki.

(3) Menteri boleh —

(a) mempersetujui permohonan itu ; atau

(b) menolak permohonan itu.

Pindaan  
perlem-  
bagaan  
sesebuah  
syarikat  
kewangan

**10.** (1) Tiap-tiap syarikat kewangan yang bermaksud hendak mengubah memorandum persatuan atau peraturan persatuannya hendaklah sebelum mencadangkan apa-apa ketetapan mengenai perkara ini, memberi kepada Menteri untuk kebenarannya, butir-butir bertulis (yang telah dipastikan dengan sesuatu surat akuan yang dibuat oleh setiausaha syarikat kewangan itu) mengenai perubahan yang dicadangkan itu.

(2) Menteri boleh sesudah itu –

(a) membenarkan perubahan yang dicadangkan itu tanpa perubahan ;

(b) membenarkan perubahan yang dicadangkan itu dengan perubahan, atau

(c) enggan membenarkan perubahan yang dicadangkan itu.

(3) Sekiranya Menteri membenarkan perubahan itu dengan perubahan, maka syarikat kewangan itu hendaklah memakai perubahan yang dicadangkan sebagaimana diubah atau tidak membuat perubahan yang dicadangkan itu dan sekiranya Menteri enggan membenarkan perubahan yang dicadangkan itu ia boleh meminta syarikat kewangan itu supaya menarik balik perubahan yang dicadangkan itu dan syarikat kewangan itu dikehendaki mematuhi permintaan Menteri itu.

(4) Mana-mana syarikat kewangan yang gagal mematuhi kehendak ceraiian (1) dari bab ini atau apa jua permintaan dari Menteri yang dibuat di bawah ceraiian (3) dari bab ini adalah bersalah ; Hukuman, didenda \$1,500 bagi setiap hari tatkala keenggaran itu dilakukan.

11. (1) Menteri –

Pembatalan  
lesen

(a) boleh, dengan perintah membatalkan lesen sesebuah syarikat kewangan jika syarikat itu berhenti menjalankan perniagaan yang ianya telah diberi lesen di Negara Brunei Darussalam atau menghapus atau menggulung atau membubar perniagaannya.

(b) boleh, atas pertimbangannya sendiri, dengan perintah, membatalkan lesen sesebuah syarikat kewangan jika, pada pendapatnya, syarikat kewangan itu —

- (i) menjalankan perniagaannya dengan cara yang mungkin akan merugikan hak kepentingan penyimpannya.
- (ii) mempunyai harta yang tidak mencukupi untuk meliputi tanggungannya terhadap penyimpannya ;
- (iii) menjalankan perniagaan pada hal modalnya yang telah dibayar itu (tidak lemah oleh kerugian-kerugian atau lain-lain hal) adalah kurang dari \$1,000,000 ; atau
- (iv) melanggar atau telah melanggar syarat dari Akta ini ; dan

(c) boleh, juga atas pertimbangannya sendiri, dengan perintah, membatalkan lesen sesebuah syarikat kewangan —

- (i) jika syarikat kewangan itu atau sesiapa jua yang menyandang jawatan pengurus atau pegawai kerja di dalam syarikat kewangan itu telah didapati sabit kesalahannya melakukan sebarang kesalahan di bawah Akta ini ; atau
- (ii) jika ia memikirkan adalah bagi kepentingan awam untuk berbuat demikian : dengan syarat bahawa sebelum membatalkan sesuatu lesen, Menteri hendaklah memberi syarikat kewangan itu notis bertulis mengenai tujuannya untuk berbuat demikian, dengan menetapkan sesuatu tarikh, yang tidak kurang dari dua puluh satu hari selepas tarikh notis itu, bilamana pembatalan itu akan dikuatkuasakan dan meminta syarikat kewangan itu supaya menunjukkan sebab-sebab kepada Menteri mengapa lesen itu tidak patut dibatalkan.

(2) Jika Menteri telah membatalkan sesuatu lesen di bawah syarat-syarat cerai (1) dari bab ini, maka hendaklah ia dengan serta-merta memberitahu syarikat kewangan itu secara notis bertulis mengenai pembatalan itu.

Penyiaran  
senarai  
syarikat-  
syarikat  
kewangan

**12.** Menteri hendaklah menyuruh supaya disiarkan dalam *Warta Kerajaan* dalam bulan April tiap-tiap tahun satu senarai mengenai semua syarikat kewangan yang lesen-lesen telah dikeluarkan kepadanya di bawah Akta ini dan sekiranya sebarang lesen ada dikeluarkan atau dibatalkan dalam masa di antara penyiaran dua senarai sedemikian, maka notis mengenai hendaklah juga disuruhkan supaya ia disiarkan dalam *Warta Kerajaan*.

## BAHAGIAN III

KUMPULAN-KUMPULAN WANG CADANGAN,  
PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN-KEUNTUNGAN  
KUNCI KIRA-KIRA DAN MAKLUMAT

13. Tiap-tiap syarikat kewangan hendaklah —

(a) mengadakan sesuatu kumpulan wang cadangan ;

Mengadakan kumpulan wang cadangan oleh syarikat kewangan

(b) jika modal yang telah dibayar bagi syarikat kewangan itu tidak kurang dari dua juta ringgit, memindahkan ke dalam kumpulan wang cadangan dari keuntungan-keuntungan bersih bagi tiap-tiap tahun setelah peruntukan yang sepatutnya dibuat untuk cukai —

- (i) selagi jumlah kumpulan wang cadangan itu kurang dari lima puluh peratus daripada modal sejumlah wang yang tidak kurang dari tiga puluh peratus daripada keuntungan-keuntungan bersih ;
- (ii) selagi jumlah kumpulan wang cadangan itu tidak kurang dari lima puluh peratus tetapi kurang dari seratus peratus daripada modal yang telah dibayar, sejumlah wang yang tidak kurang dari lima belas peratus daripada keuntungan-keuntungan bersih ;
- (iii) selagi jumlah kumpulan wang cadangan itu tidak kurang dari seratus peratus daripada modal yang telah dibayar, sejumlah wang yang tidak kurang dari lima peratus daripada keuntungan-keuntungan bersih ; dan

(c) jika modal yang telah dibayar bagi syarikat kewangan itu kurang dari dua juta ringgit, memindahkan ke dalam kumpulan wang cadangan itu dari keuntungan-keuntungan bersih bagi tiap-tiap tahun setelah peruntukan yang sepatutnya dibuat untuk cukai —

- (i) selagi jumlah kumpulan wang cadangan itu kurang dari lima puluh peratus dari modal yang telah dibayar, sejumlah wang yang tidak kurang dari lima puluh peratus daripada keuntungan-keuntungan bersih ;
- (ii) selagi jumlah kumpulan wang cadangan itu tidak kurang dari lima puluh peratus tetapi kurang dari seratus peratus daripada modal yang telah dibayar, sejumlah wang yang tidak kurang dari dua puluh lima peratus daripada keuntungan-keuntungan bersih ;
- (iii) selagi jumlah kumpulan wang cadangan itu tidak kurang dari seratus peratus daripada modal yang telah dibayar, sejumlah wang yang tidak kurang dari sepuluh peratus daripada keuntungan-keuntungan bersih.

Sekatan mengenai pembayaran keuntungan-keuntungan oleh syarikat-syarikat kewangan

**14.** Tiada sebarang syarikat kewangan boleh membayar sebarang keuntungan ke atas saham-sahamnya sehingga semua perbelanjaan yang dikira sebagai modal (termasuk belanja-belanja permulaan, belanja-belanja urusan, upah penjualan saham, bayaran broker, jumlah kerugian-kerugian yang berlaku dan sebarang perkara perbelanjaan yang tidak kena mengena dengan harta-harta yang dapat diperolehi balik) telah sempurna dihapuskan dari kira-kira.



15. Tiap-tiap syarikat kewangan hendaklah mempamerkan di sepanjang tahun, di sesuatu tempat yang jelas dilihat dalam tiap-tiap pejabat dan cawangan syarikat kewangan itu, satu salinan kunci kira-kiraanya yang terakhir yang telah diaudit berserta dengan nama-nama penuh dan betul akan semua orang-orang yang menjadi pengarah-pengarah syarikat kewangan itu, sebaik-baik sahaja kunci kira-kira itu sudah diaudit. Satu salinan kunci kira-kira sedemikian hendaklah diterbitkan dalam sekurang-kurangnya sebuah akhbar tempatan tidak lewat dari 6 bulan selepas berakhirnya tiap-tiap tahun kewangan.

Mempamerkan kunci kira-kira oleh syarikat-syarikat kewangan

16. (1) Tiap-tiap syarikat kewangan hendaklah memberi kepada Menteri pada sesuatu masa dan dengan cara yang Menteri boleh menentukan, segala maklumat dan kenyataan (data) yang ia mungkin dengan munasabah mengkehendaki bagi menjalankan tugas-tugasnya dengan sempurna di bawah syarat-syarat Akta ini.

Maklumat dan perangkaan hendaklah diberikan oleh syarikat-syarikat kewangan

(2) Tiap-tiap syarikat kewangan yang gagal atau alpa memberi apa jua maklumat yang dikehendaki oleh Menteri di bawah ceraiian (1) dari bab ini dan dalam masa yang ditentukan oleh Menteri adalah bersalah ; Hukuman, didenda \$4,000 bagi tiap-tiap hari tatkala kelalaian itu terus berlaku.

#### BAHAGIAN IV

#### PERATURAN PERNIAGAAN

17. Jika sebuah syarikat kewangan telah menerima wang daripada mana-mana orang sebagai wang simpanan maka syarikat itu hendaklah dalam tempoh dua bulan selepas penerimaan wang itu mengeluarkan kepada orang itu suatu dokumen yang mengakui atau membuktikan atau merupakan sesuatu pengakuan yang syarikat itu berhutang mengenai wang simpanan itu.

Pengakuan berhutang

Wang-wang simpanan tuntutan, urusan-urusan mengenai pertukaran wang asing dsb., oleh syarikat-syarikat kewangan

18. (1) Tiada sebarang syarikat kewangan boleh —

(a) menerima sebarang wang simpanan yang boleh dibayar balik apabila dituntut dengan secara bayaran “cek”, “draft” atau “order” yang dibuat oleh seseorang penyimpan atas nama syarikat kewangan itu ;

(b) membuat apa jua urusan mengenai emas atau pertukaran matawang asing dari apa jua jenis pun ; atau

(c) memberi wang-wang pendahuluan yang tak berjamin, pinjaman-pinjaman yang tak berjamin atau kemudahan-kemudahan piutang (credit facilities) yang tak berjamin yang berjumlah dan yang masih belum dijelaskan pada bila-bila masa melebihi sepuluh peratus dari modal saham yang telah dibayar dan wang-wang cadangan yang telah disiarkan bagi syarikat kewangan itu dan yang mana berkenaan dengan —

- (i) mana-mana pengarah perseorangan sama ada meminjam atas kira-kiranya sendiri atau bersama dengan pengarah lain ;
- (ii) sesebuah firma di dalam mana syarikat kewangan itu atau mana-mana pengarahnya mempunyai kepentingan sebagai seorang rakan, pengurus atau agen, atau kepada mana-mana orang atau firma yang salah seorang dari pengarah-pengarahnya menjadi penjamin ;
- (iii) sebarang orang lain atau badan atau orang-orang sama ada diperbadanan atau tidak.

melebihi pada bila-bila masa wang sejumlah lima ribu ringgit ; dan

(d) memberi kepada atau membenarkan masih belum dijelaskan oleh mana-mana pelanggan sebarang wang pendahuluan, pinjaman atau kemudahan piutang (credit facilities), atau memberi jaminan-jaminan kewangan atau melakukan sebarang tanggungan lain bagi pihaknya sehingga kumpulan jumlah wang-wang pendahuluan, pinjaman-pinjaman atau kemudahan-kemudahan piutang (credit facilities), jaminan-jaminan atau tanggungan-tanggungan itu melebihi dari enam puluh peratus dari modal saham yang telah dibayar dan wang-wang cadangan yang telah disiarkan bagi syarikat kewangan itu ;

Dengan syarat bahawa, dengan kebenaran Menteri, peratus yang disebutkan dalam perenggan ini boleh ditambah sehingga seratus peratus dari modal saham yang telah dibayar dan wang-wang cadangan yang telah disiarkan bagi syarikat kewangan itu :

Dengan syarat bahawa, dengan kebenaran Menteri, peratus yang disebut dalam perenggan ini boleh ditambah kepada seratus peratus dari modal saham yang telah dibayar dan wang-wang cadangan yang telah disiarkan bagi syarikat itu.

(2) Di dalam perenggan (c) cerai (1) dari bab ini, perkataan-perkataan “wang-wang pendahuluan yang tak berjamin”, “pinjaman-pinjaman yang tak berjamin” atau “kemudahan-kemudahan piutang yang tak berjamin” bermakna wang-wang pendahuluan, pinjaman-pinjaman atau kemudahan-kemudahan piutang yang dibuat tanpa jaminan atau berkenaan dengan mana-mana wang pendahuluan, pinjaman atau kemudahan-kemudahan piutang yang dibuat dengan jaminan sebarang bahagian daripadanya yang pada bila-bila masa melebihi nilai harga pasaran bagi harta-harta yang menjadi jaminan itu, atau jika Menteri berpuas hati bahawa tidak terdapat sebarang nilai harga pasaran yang ditetapkan, berasaskan kepada suatu nilai yang dibenarkan oleh Menteri.

(3) Di dalam perenggan (c) cerai (1) dari bab ini perkataan “pengarah-pengarah” termasuk isteri, suami, bapa, ibu, anak lelaki atau anak perempuan seseorang pengarah.

(4) Semua pengarah sesebuah syarikat kewangan adalah bertanggungjawab bersama dan masing-masing untuk menjamin sesebuah syarikat kewangan terhadap sebarang kerugian yang berbangkit daripada membuat apa jua pendahuluan, pinjaman atau kemudahan piutang yang tak berjamin di bawah perenggan kecil (ii) atau (iii) perenggan (c) cerai (1) dari bab ini.

Urusan oleh  
sesebuah  
syarikat  
kewangan  
dalam saham-  
sahamnya  
sendiri, dsb.

19. (1) Kecuali jika yang berlainan ada dipersyaratkan dengan tegasnya oleh Akta ini, tiada sebarang syarikat kewangan boleh memberi, sama ada dengan secara langsung atau tidak langsung dan sama ada dengan jalan sesuatu jaminan pinjaman atau peruntukan cagaran atau lain-lain, apa jua bantuan kewangan bagi maksud atau berkaitan dengan sesuatu pembelian atau yuran yang dibuat atau akan dibuat oleh sesiapa jua bagi atau kerana sebarang saham di dalam syarikat kewangan itu atau, jika syarikat itu sebuah syarikat tambahan “subsidiary” di dalam ibu syarikatnya, atau dengan apa jua cara membeli, mengurus atau meminjamkan wang atas saham-sahamnya sendiri.

(2) Tiada sebarang apa di dalam cerai (1) dari bab ini akan menegah —

(a) peruntukan oleh sesebuah syarikat kewangan, menurut sebarang rancangan yang berjalan pada masa itu, wang bagi pembelian atau yuran bagi saham-saham yang telah dibayar penuh di dalam syarikat kewangan itu atau ibu syarikatnya, iaitu sesuatu pembelian atau yuran oleh pemegang-pemegang amanah atau bagi saham-saham yang akan dipegang oleh atau bagi faedah pekerja-pekerja syarikat itu, termasuk mana-mana pengarah yang memegang sesuatu jawatan bergaji atau jawatan di dalam syarikat itu, atau

(b) pemberian bantuan kewangan oleh sesebuah syarikat kewangan kepada orang-orang, selain dari pengarah-pengarah, yang sebenar-benarnya bekerja dengan syarikat itu atau dengan sesebuah syarikat subsidiari dari syarikat itu dengan tujuan untuk membolehkan orang-orang itu membeli saham-saham yang telah dibayar penuh di dalam syarikat kewangan itu yang akan dipegang oleh mereka sendiri sebagai hak milik yang mendatangkan faedah.

(3) Jika ada sebarang pelanggaran terhadap bab ini, maka syarikat kewangan itu dan tiap-tiap pegawai syarikat tersebut yang melakukannya adalah bersalah ; Hukuman, dipenjara selama 3 tahun atau didenda \$8,000.

(4) Tiada sebarang apa dalam bab ini boleh dipakai untuk mencegah syarikat kewangan itu dari mendapatkan balik jumlah sebarang pinjaman yang telah dibuat dengan melanggar bab ini atau sebarang jumlah terhadap mana ianya bertanggungjawab disebabkan oleh apa jua bantuan kewangan yang telah diberikan dengan melanggar syarat-syarat bab ini.

**20.** (1) Tiada sebarang syarikat kewangan pun boleh mengambil bahagian, sama ada atas tanggungannya sendiri atau secara komisen, dan sama ada sendiri atau dengan pihak-pihak lain, dalam perdagangan borong atau runcit, termasuk perniagaan import atau eksport, kecuali bagi maksud menjalankan perniagaan kewangannya.

Sekatan-sekatan perdagangan oleh syarikat-syarikat kewangan

(2) Kecuali sebagaimana yang dipersyaratkan dalam Akta ini sesebuah syarikat kewangan yang berlesen tidak boleh menjalankan apa jua jenis perniagaan selain dari perniagaan urusan kewangan.

**21.** (1) Tiada sebarang syarikat kewangan boleh memperolehi atau memegang sebarang bahagian dari modal saham bagi, atau dengan jalan lain mempunyai kepentingan secara langsung dalam, mana-mana urusan kewangan, perdagangan, pertanian, perusahaan atau perusahaan lain yang jumlahnya lebih dari dua puluh lima peratus dari modal saham yang telah

Sekatan-sekatan terhadap penanaman-penanaman modal oleh syarikat-syarikat kewangan

dibayar dan wang-wang cadangan yang telah disiarkan bagi syarikat kewangan itu kecuali pegangan saham yang diperolehi oleh syarikat kewangan bagi mendapatkan balik hutang-hutangnya yang mana pegangan saham itu hendaklah bagaimanapun, dijual dengan seberapa segera yang boleh.

(2) Dengan tidak menghiraukan syarat-syarat cerai (1) dari bab ini, bilangan peratus pegangan atau kepentingan yang disebutkan dalam cerai itu boleh atas permohonan sesebuah syarikat kewangan kepada Menteri, dan dengan persetujuan Menteri, ditambah menjadi tidak lebih dari lima puluh peratus dari modal saham yang telah dibayar dan wang-wang cadangan yang telah disiarkan bagi syarikat kewangan itu.

Sekatan-sekatan terhadap pegangan harta tak alih oleh syarikat-syarikat kewangan

**22.** (1) Tiada sebarang syarikat kewangan boleh membeli atau memperolehi apa jua harta tak alih, atau apa jua hak, geran atau kepentingan di dalamnya, yang jumlahnya pada bila-bila masa lebih dari dua puluh lima peratus dari modal saham yang telah dibayar dan wang-wang cadangan yang telah disiarkan bagi syarikat itu, kecuali yang mungkin dengan munasabah perlu bagi maksud menjalankan perniagaannya atau mengadakan perumahan atau kenikmatan-kenikmatan bagi kakitangannya tetapi ini tidak mencegah sesebuah syarikat kewangan —

(a) daripada menyewakan sebahagian dari mana-mana bangunan yang digunakan bagi maksud menjalankan perniagaannya ; atau

(b) daripada memperolehi hutang ke atas sebarang harta tak alih dan jika berlaku kemungkiran membayar hutang tersebut, daripada memegang harta tak alih itu bagi mendapatkan balik wang secara jualan atau lelong dengan seberapa segera yang boleh.

(2) Bab ini tidak akan dikenakan terhadap harta yang dari masa ke semasa dibenarkan oleh Menteri.

23. Mana-mana syarikat yang sebelum tarikh berjalannya kuatkuasa Akta ini, telah melakukan apa jua urusan yang dilarang oleh syarat-syarat bab-bab 18, 19, 20, 21 dan 22 dari Akta ini hendaklah, jika ianya berlesen di bawah Akta ini, dalam tempoh enam bulan dari tarikh itu mengemukakan satu penyata mengenai urusan-urusan itu kepada Menteri dan hendaklah selanjutnya, dalam tempoh tersebut, atau sesuatu tempoh lanjutan yang Menteri boleh menentukan, menghapuskan urusan-urusan itu atau jika gagal menghapuskan urusan-urusan itu akan dikenakan sekatan-sekatan yang dinyatakan di dalam bab-bab 18, 19, 20, 21 dan 22 dari Akta ini dan akan oleh itu terpaksa menjual mana-mana harta alih atau tak alih, atau mana-mana hak, geran atau kepentingan di dalamnya yang mungkin telah diperolehi akibat dari urusan-urusan yang ditegah itu.

Menghapuskan urusan-urusan yang dilarang oleh syarikat-syarikat kewangan

24. (1) Menteri boleh, dengan perintah, menetapkan —

Perintah-perintah oleh Menteri

(a) kadar-kadar faedah yang maksimum yang syarikat-syarikat kewangan boleh membayar terhadap jenis-jenis atau kelas-kelas simpanan yang berlain-lainan.

(b) jumlah atau jumlah-jumlah yang maksimum yang merupakan kadar peratus atau kadar-kadar peratus, bagi jumlah harta-harta yang syarikat kewangan boleh memegang dalam satu atau lebih jenis atau kelas pinjaman-pinjaman, atau wang-wang pendahuluan ;

(c) bayaran-bayaran cengkeram yang minimum dan tempoh bayaran balik yang maksimum bagi jenis-jenis atau kelas-kelas pinjaman atau wang-wang pendahuluan yang berlainan yang diberi oleh syarikat-syarikat kewangan.

(d) kadar-kadar faedah atau komisen yang maksimum dan bayaran-bayaran lain dan cara-cara mengira faedah atau komisen tersebut dan bayaran-bayaran lain yang syarikat kewangan boleh

mengenakan terhadap jenis-jenis atau kelas-kelas pinjaman-pinjaman yang berlain-lainan atau wang-wang pendahuluan yang diberi oleh mereka ; dan

(e) jumlah pinjaman-pinjaman atau wang-wang pendahuluan yang maksimum yang syarikat-syarikat kewangan boleh memberi kepada mana-mana orang atau golongan orang-orang ;

(2) Apa jua perintah yang dibuat di bawah ceraiian (1) dari bab ini hendaklah dikenakan sama sahaja kepada semua syarikat kewangan, atau kepada sebarang kelas atau kelas-kelas syarikat-syarikat kewangan, dan hendaklah, berserta tarikh berjalan kuatkuasanya, disiarkan dalam *Warta Kerajaan*.

## BAHAGIAN V

### ASET CAIR YANG MINIMUM

Pegangan aset cair yang minimum oleh syarikat-syarikat kewangan

25. (1) Tiap-tiap syarikat kewangan hendaklah sentiasa mengadakan pegangan aset cair yang minimum, sebagaimana yang ditafsirkan dalam ceraiian (4) dari bab ini akan tetapi satu tempoh selama enam bulan selepas tarikh berjalannya kuatkuasa Akta ini akan dibenarkan untuk mematuhi kehendak ini.

(2) Jumlah aset cair yang minimum yang akan sentiasa diadakan oleh syarikat-syarikat kewangan hendaklah ditentukan dari masa ke semasa oleh Menteri dan hendaklah merupakan kadar peratus dari tanggungan-tanggungan tiap-tiap syarikat kewangan kerana wang-wang simpanan.

(3) Menteri hendaklah menentukan cara mengira jumlah aset cair yang akan dipegang oleh syarikat kewangan.

(4) Bagi maksud-maksud bab ini aset cair (“liquid assets”) bermakna semua atau sebarang dari yang berikut –



(a) wang-wang kertas dan wang-wang syiling yang sah diperlakukan di Negara Brunei Darussalam ;

(b) baki-baki bersih yang di dalam bank-bank ; di Negara Brunei Darussalam.

(c) wang bersih yang dapat diperolehi pada bila-bila masa di Negara Brunei Darussalam ;

(d) harta-harta lain yang Menteri boleh menentukan.

(5) Mana-mana syarikat kewangan yang gagal mematuhi sebarang kehendak dari bab ini boleh terkena, manakala diminta berbuat demikian oleh Menteri (selain dari apa jua hukuman lain yang boleh dikenakan di bawah Akta ini) membayar denda faedah yang tidak kurang dari satu perlima belas dari satu peratus dari jumlah kekurangan bagi tiap-tiap hari tatkala kemungkiran itu terus berlaku dan tidak boleh semasa kemungkiran itu terus dilakukan menerima sebarang wang simpanan atau mengambil bahagian dalam urusan-urusan baru tanpa kebenaran Menteri.

## BAHAGIAN VI

### PEMERIKSAAN SYARIKAT-SYARIKAT KEWANGAN

26. (1) Menteri boleh, dari masa ke semasa, memeriksa atau menyuruh supaya diperiksa dalam keadaan-keadaan rahsia, buku-buku, kira-kira dan urusan-urusan mana-mana syarikat kewangan dan mana-mana cawangan, agen atau pejabat di luar Negara Brunei Darussalam yang dibuka oleh sesebuah syarikat kewangan yang ditubuhkan di Negara Brunei Darussalam.

Pemeriksaan  
syarikat-  
syarikat  
kewangan

(2) Menteri boleh membuat suatu penyiasaan, dalam keadaan-keadaan rahsia, terhadap buku-buku, kira-kira dan urusan-urusan sesebuah syarikat kewangan, jika ia mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa syarikat kewangan tersebut ada menjalankan perniagaannya yang merugikan kepentingan-kepentingan penyimpan-penyimpannya dan piutang-piutangnya yang lain atau mempunyai harta-harta yang tidak mencukupi untuk melindungi tanggungan-tanggungannya terhadap orang ramai, atau ada melanggar peruntukan-peruntukan Akta ini.

Penggai 39

(3) Menteri boleh melantik mana-mana juruaudit selain dari juruaudit yang dilantik oleh syarikat kewangan di bawah peruntukan bab 131 dari Akta Syarikat-Syarikat, untuk menjalankan kuasa-kuasa Menteri di bawah cerai-ceraian (1) dan (2) dari bab ini.

(4) Bagi maksud sesuatu pemeriksaan atau penyiasaan di bawah bab ini, sesebuah syarikat kewangan hendaklah memberi peluang kepada Menteri melihat buku-buku, akaun-akaun dan dokumen-dokumennya dan hendaklah memberi maklumat dan kemudahan-kemudahan yang mungkin dikehendaki untuk menjalankan penyiasaan itu :

Dengan syarat bahawa buku-buku, akaun-akaun dan dokumen-dokumen tersebut tidak akan dikehendaki supaya dikemukakan pada masa-masa dan di tempat-tempat yang mengganggu perjalanan perniagaan harian biasa syarikat kewangan itu yang sepatutnya.

(5) Jika mana-mana buku, akaun-akaun atau dokumen atau maklumat tidak diberi menurut cerai (4) dari bab ini, maka syarikat kewangan yang berkenaan itu adalah bersalah ; Hukuman, didenda \$8,000 dan didenda selanjutnya \$1,000 pada tiap-tiap hari tatkala kemungkiran itu terus dilakukan setelah didapati sabit kesalahan.

Penggai 22

(6) Menteri hendaklah dianggap sebagai pegawai Kerajaan dalam kandungan makna Kanun Hukum Jenayah.

27. (1) Jika Menteri mendapati tatkala membuat sesuatu pemeriksaan di bawah bab 26 Akta ini bahawa hal ehwal perniagaan sesebuah syarikat kewangan itu adalah dijalankan dengan cara yang mungkin merugikan kepentingan-kepentingan penyimpan-penyimpan atau menyentuh kepentingan-kepentingan syarikat kewangan itu, maka Menteri boleh dengan perintah mengkehendaki syarikat kewangan itu supaya mengambil sesuatu tindakan memperbaiki yang Menteri fikirkan perlu atau mengkehendaki syarikat kewangan itu memberhentikan perbuatan-perbuatan atau cara-cara sedemikian.

Kuasa-kuasa Menteri untuk mengeluarkan perintah-perintah selepas sesuatu pemeriksaan

(2) Tiada sebarang perintah boleh dikeluarkan di bawah cerai (1) dari bab ini melainkan syarikat kewangan itu telah diberi peluang yang berpatutan untuk mengemukakan pandangan-pandangannya kepada Menteri.

(3) Menteri boleh, apabila keterangan dikemukakan kepadanya, atau dengan kehendaknya sendiri, mengubah atau membatalkan sebarang perintah yang dikeluarkan di bawah cerai (1) dari bab ini, dan apabila mengubah atau membatalkan mana-mana perintah, boleh mengenakan syarat-syarat sedemikian sebagaimana yang difikirkannya berpatutan.

## BAHAGIAN VII

### MENGEMUKAKAN AKAUN DAN LAPORAN JURUAUDIT

28. (1) Pengarah-pengarah sesebuah syarikat kewangan hendaklah mengemukakan kepada Menteri satu salinan akaun untung rugi dan kunci kira-kira yang dibuat menurut bab 122 dari Akta Syarikat-Syarikat.

Pengarah hendaklah mengemukakan salinan-salinan akaun-akaun untung rugi dan juruaudit hendaklah mengemukakan salinan laporannya kepada Menteri Penggal 39

(2) Tiap-tiap juruaudit bagi sesebuah syarikat kewangan hendaklah mengemukakan kepada Menteri satu salinan laporannya berkenaan dengan tiap-tiap kunci kira-kira dan akaun untung rugi (termasuk tiap-tiap kunci kira-kira yang disatukan dan akaun untung rugi yang disatukan)

sebagaimana yang dikehendaki di bawah bab 133 dari Akta Syarikat-Syarikat membuatnya kepada ahli-ahli syarikat kewangan itu.

## BAHAGIAN VIII

### RAMPAIAN

Gantirugi

**29.** Kerajaan atau Menteri ataupun mana-mana pegawai Kerajaan tidak boleh dikenakan apa jua tindakan, tuntutan atau desakan oleh atau tanggungan terhadap sesiapa jua bersabit dengan apa jua yang dilakukan atau tidak dilakukan secara jujur pada menurut atau menunaikan atau hendak menunaikan atau berkaitan dengan menunaikan sebarang kuasa yang diberi kepada Kerajaan, Menteri atau mana-mana pegawai Kerajaan oleh Akta ini.

Syarikat Kewangan yang tidak dapat memenuhi kewajipan-kewajipan hendaklah memberitahu Menteri

**30.** Mana-mana syarikat kewangan yang berfikir bahawa ia mungkin tidak akan dapat memenuhi kewajipan-kewajipannya atau hendak menggantungkan pembayaran-pembayaran hendaklah dengan serta-merta memberitahu hal itu kepada Menteri.

Penangguhan rasmi

**31.** (1) Menteri boleh, jika difikirkannya adalah bagi kepentingan penyimpan-penyimpan di sesebuah syarikat kewangan, dengan perintah –

(a) melarang sesebuah syarikat kewangan daripada menjalankan perniagaannya ; dan

(b) menangguhkan permulaan atau penerusan sebarang tindakan atau langkah perbicaraan terhadap sesebuah syarikat kewangan berkenaan dengan perniagaannya selama suatu tempoh yang tertentu dengan syarat-syarat dan penentuan-penentuan yang dianggap berpatutan dan boleh dari masa ke semasa melanjutkan penangguhan rasmi (moratorium) selama tidak lebih dari enam bulan.

(2) Selagi sesuatu perintah di bawah ceraiian (1) dari bab ini masih berjalan kuatkuasanya, sebarang lesen yang telah diberi kepada syarikat kewangan tersebut di bawah Akta ini hendaklah digantung.

32. (1) Tiap-tiap syarikat yang tidak menjalankan perniagaan urusan kewangan di Negara Brunei Darussalam sebelum tarikh berjalannya kuatkuasa Akta ini hendaklah, sebelum ianya diberi sesuatu lesen oleh Menteri untuk menjalankan perniagaan urusan kewangan di bawah Akta ini, memasukkan ke dalam memorandum persatuan atau peraturan-peraturan, persatuannya akan sekatan-sekatan batasan-batasan dan larangan-larangan yang terkandung di dalam bab-bab 18, 19, 20, 21 dan 22 dari Akta ini.

Memo-  
randum dan  
peraturan-  
peraturan  
bagi  
sesebuah  
syarikat  
kewangan

(2) Tiap-tiap syarikat yang –

(a) telah menjalankan perniagaan urusan kewangan di Negara Brunei Darussalam sebelum tarikh berjalannya kuatkuasa Akta ini ; dan

(b) berlesen di bawah Akta ini,

tetapi memorandum persatuan atau peraturan-peraturan persatuannya tidak mengandungi semua atau sebarang sekatan, batasan atau larangan yang terkandung di dalam bab-bab 18, 19, 20, 21 dan 22 dari Akta ini, hendaklah dianggap telah memasukkan ke dalam memorandum persatuan atau peraturan-peraturan persatuannya semua atau sebarang sekatan, batasan atau larangan yang belum lagi dimasukkan itu.

(3) Setakat mana yang sebarang sekatan, batasan atau larangan sedemikian dianggap telah dimasukkan ke dalam memorandum persatuan atau peraturan-peraturan persatuan ini di bawah ceraiian (2) dari bab ini, adalah berlawanan dengan mana-mana syarat yang telah dimasukkan ke dalam memorandum persatuan atau peraturan-peraturan persatuan maka sekatan batasan atau larangan itu hendaklah dipakai terhadap syarat tersebut.

Pembatalan kelayakan pengarah-pengarah sesebuah syarikat kewangan Penggal 39

33. (1) Dengan tidak memudaratkan apa yang terkandung di dalam Akta Syarikat-Syarikat, sesiapa jua yang menjadi pengarah, pengurus atau pegawai lain yang bertanggungjawab mengenai pengurusan sesebuah syarikat kewangan adalah terhenti dari memegang jawatan –

(a) jika ia menjadi bankrap menggantung pembayaran-pembayaran atau penyelesaian hutang dengan peminjam-peminjamnya ; atau

(b) jika dia didapati sabit kesalahan yang melibatkan penipuan atau pemalsuan.

(2) Tiada seorang pun yang telah menjadi pengarah, atau bertanggungjawab secara langsung dengan urusan, sesebuah syarikat kewangan yang berlesen di bawah Akta ini yang telah digulung oleh sesebuah mahkamah, boleh tanpa kebenaran ternyata dari Menteri, bertindak, atau terus bertindak, sebagai pengarah, atau secara langsung bertanggungjawab dalam urusan mana-mana syarikat kewangan.

(3) Sesiapa jua yang bertindak melanggar ceraiian (1) atau (2) dari bab ini adalah bersalah ; Hukuman, di penjara selama 5 tahun dan didenda \$20,000.

Hukuman bagi kesalahan-kesalahan yang tidak ada peruntukan

34. (1) Sebarang syarikat kewangan, atau orang yang melanggar atau gagal mematuhi mana-mana peruntukan dari Akta ini atau mana-mana perintah yang diperbuat di bawah Akta ini terhadap mana tidak ada sebarang hukuman yang diperuntukkan dengan nyata adalah bersalah ; Hukuman, dipenjara selama 5 tahun dan didenda \$20,000.

(2) Menteri boleh, dengan tiada memulakan langkah perbicaraan terhadap sesiapa jua bagi sebarang kesalahan di bawah Akta ini, atau sebarang peraturan yang diperbuat di bawahnya, yang hanya boleh dikenakan hukuman denda atau penalti ingkar sahaja, menuntut atau menerima jumlah denda atau penalti ingkar tersebut atau jumlah yang dikurangkan yang difikirkannya patut daripada orang itu, maka dengan itu –

(a) jika orang itu membayar jumlah tersebut kepada Menteri dalam tempoh empat belas hari selepas tuntutan itu, maka tiada sebarang langkah perbicaraan boleh diambil terhadapnya berhubung dengan kesalahan itu ; dan

(b) jika orang itu gagal membayar jumlah yang dituntut itu, maka Menteri boleh menyuruh supaya langkah perbicaraan diambil berhubung dengan kesalahan itu.

35. (1) Sesiapa jua, yang menjadi pengarah-pengarah, urusan atau pengurus sesebuah syarikat kewangan yang –

Kesalahan-kesalahan oleh pengarah-pengarah atau pengurus-pengurus

(a) gagal mematuhi atau mengambil segala langkah-langkah yang berpatutan supaya dapat dipatuhi oleh syarikat kewangan itu, Akta ini atau mana-mana perintah yang dibuat di bawah Akta ini atau sebarang undang-undang lain yang berhubung dengan syarikat-syarikat kewangan yang berkuatkuasa di Negara Brunei Darussalam ; atau

(b) gagal menentukan atau mengambil segala langkah yang berpatutan untuk menentukan tepatnya atau betulnya mana-mana kenyataan atau maklumat yang dikemukakan di bawah Akta ini atau sebarang undang-undang lain berhubung dengan syarikat-syarikat kewangan yang berkuatkuasa di Negara Brunei Darussalam ;

adalah bersalah ; Hukuman, didenda \$20,000 dan di penjara selama 5 tahun.

(2) Dalam sebarang langkah perbicaraan terhadap sesiapa jua di bawah ceraiian (1) dari bab ini maka adalah menjadi suatu pembelaan untuk membuktikan bahawa ia mempunyai alasan-alasan yang munasabah untuk mempercayai dan telah mempercayai bahawa seseorang yang layak lagi dipercayai telah ditugaskan untuk mematuhi Akta ini atau sebarang perintah yang dibuat di bawah Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain berhubung dengan

syarikat-syarikat kewangan di Negara Brunei Darussalam atau untuk menentukan bahawa kenyataan-kenyataan itu adalah tepat dan betul dan bahawa orang itu dapat menjalankan tugas itu.

(3) Seseorang tidak akan dihukum penjara kerana apa jua kesalahan di bawah ceraiian (1) dari bab ini melainkan pada pendapat mahkamah kesalahan itu telah dilakukan dengan senghaja.

Mengaku  
sebagai  
Syarikat  
Kewangan

36. Jika mana-mana syarikat awam atau sendirian atau firma mengaku dirinya sebagai sesebuah syarikat kewangan yang berlesen manakala ianya tidak berlesen di bawah Akta ini, maka syarikat atau firma tersebut adalah bersalah di bawah Akta ini dan tiap-tiap pengarah, pengurus atau tiap-tiap pegawai syarikat tersebut dan tuannya atau tiap-tiap rakan atau pegawai firma tersebut adalah, melainkan ia membuktikan bahawa pengakuan tersebut oleh syarikat atau firma itu telah dibuat tanpa pengetahuan atau izinnya, bersalah ; Hukuman, didenda \$20,000 dan di penjara selama 5 tahun.

Fiat  
Peguam  
Negara

37. Tiada sebarang dakwaan bersabit dengan sebarang kesalahan di bawah Akta ini boleh dimulakan kecuali dengan, atau di bawah arahan, Peguam Negara yang bertindak atas sesuatu aduan yang dibuat oleh Menteri.

Pengecualian-  
pengecualian

38. (1) Akta ini tidak boleh dikenakan kepada –

Penggal 95

(a) mana-mana bank yang diberi lesen di bawah Akta Bank ;

(b) mana-mana syarikat kerjasama yang berdaftar di bawah mana-mana Undang-undang Negara Brunei Darussalam ; atau

Penggal 63

(c) apa jua perniagaan pajak gadai yang dijalankan oleh seseorang yang diberi lesen di bawah Akta Pajak-pajak Gadai.



(2) Dengan tidak menghiraukan sebarang peruntukan di dalam Akta ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat boleh mengecualikan mana-mana syarikat kewangan dari mana-mana atau semua peruntukan dari Akta ini.

**39.** (1) Dengan tidak memudaratkan peruntukan Akta Syarikat-Syarikat –

Peruntukan  
Penggali 39

(a) sesebuah syarikat (sama ada atau tidak ianya sedang digulung dengan secara sukarela) boleh digulung di bawah sesuatu perintah Mahkamah atas permohonan Menteri ; dan

(b) Mahkamah boleh memerintahkan supaya digulungkan sesebuah syarikat jika –

(i) syarikat itu telah memegang sesuatu lesen di bawah Akta ini dan lesen itu telah habis tempohnya atau telah dibatalkan ; atau

(ii) syarikat itu telah menjalankan perniagaan urusan kewangan di Negara Brunei Darussalam dengan melanggar peruntukan-peruntukan Akta ini.

(2) Tatkala menggulung sesebuah syarikat yang telah menjalankan perniagaan urusan kewangan, penyimpan-penyimpan wang hendaklah dianggap sebagai pemegang debentur yang dikeluarkan kepada mereka oleh syarikat itu dan bercagarkan caj terapung ke atas semua harta dan akujanji syarikat itu.

**40.** (1) Dengan seberapa segera yang boleh setelah dibuat sesuatu perintah bagi menggulung sesebuah syarikat kewangan, penyelesaian hutang piutang syarikat sedemikian hendaklah menyiarkan dalam *Warta Kerajaan* satu notis menghendaki tiap-tiap orang yang berhutang kepada syarikat kewangan itu supaya menebus apa jua harta yang ia telah simpan dengan syarikat itu sebagai cagaran bagi sebarang

Penebusan  
cagaran-  
cagaran  
yang  
dipegang  
oleh  
syarikat  
kewangan

Penggagal 39

pinjaman yang telah diperolehinya daripada syarikat kewangan itu, dan hendaklah juga menghantarkan dengan surat berdaftar pos suatu notis kepada tiap-tiap orang yang berhutang yang cagarannya ada dipegang oleh syarikat kewangan itu dan namanya ada disebutkan dalam penyata hal ehwal perniagaan yang dibuat di bawah bab 175 dari Akta Syarikat-Syarikat.

(2) Notis tersebut hendaklah menentukan tarikh terakhir yang sesuatu cagaran itu boleh ditebus, tarikh tersebut tidak boleh kurang dari tiga bulan daripada tarikh notis itu.

(3) Selepas tarikh terakhir bagi menebus apa jua cagaran yang dipegang oleh syarikat kewangan yang ditentukan dalam notis itu, maka penyelesai hutang piutang boleh mengambil langkah untuk menjual apa jua cagaran yang dipegang oleh syarikat kewangan itu dengan serta-merta dengan tidak menghiraukan sebarang perjanjian yang menetapkan apa jua tempoh penebusan lain yang diikat dahulunya di antara syarikat kewangan dengan orang yang berhutang itu.

Perjalanan  
kuatkuasa  
Akta  
tidak akan  
menyentuh  
Akta  
Syarikat-  
Syarikat

41. Tiada sebarang apa pun di dalam Akta ini boleh menyentuh kuatkuasa Akta Syarikat-Syarikat dan sebarang syarikat yang boleh ditubuhkan di bawah Akta itu boleh terus diperbadankan seolah-olah Akta ini belum lagi diluluskan tetapi jika berlaku pertelingkahan di antara Akta itu dengan Akta ini maka peruntukan Akta ini hendaklah dipakai melainkan sebaliknya ada diperuntukkan dalam Akta ini.

Peraturan-  
peraturan

42. (1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat boleh dari masa ke semasa, membuat peraturan-peraturan bagi, atau bersabit dengan, tiap-tiap maksud yang dianggap oleh Baginda perlu bagi menjalankan peruntukan-peruntukan Akta ini dan bagi menetapkan sebarang perkara yang dibenarkan atau dikehendaki di bawah Akta ini supaya ditetapkan.

(2) Dengan tidak memudaratkan keluasan makna ceraiian (1) dari bab ini, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat boleh dengan peraturan-peraturan sedemikian –

(a) menetapkan bayaran-bayaran yang akan dikenakan di bawah Akta ini ; dan

(b) mengatur iklan bagi syarikat-syarikat kewangan.

43. Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan dari apa jua undang-undang yang bertulis yang berlawanan, hendaklah seorang Majistret mempunyai bidangkuasa untuk membicarakan sebarang kesalahan di bawah Akta ini dan menjatuhkan hukuman yang seberat-beratnya bagi mana-mana kesalahan sedemikian.

Majistret  
hendaklah  
mempunyai  
bidangkuasa  
penuh

UNDANG-UNDANG TAMBAHAN

Peraturan-peraturan di bawah bab 42

1. Peraturan-peraturan Syarikat-Syarikat Kewangan (Iklan-Iklan)
2. Peraturan-peraturan Syarikat-Syarikat Kewangan (Bayaran-Bayaran Lesen)

S.164/73

(1) PERATURAN-PERATURAN SYARIKAT-SYARIKAT  
KEWANGAN (IKLAN-IKLAN)

PENYUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

Peraturan

1. Gelaran
2. Tafsiran
3. Kebenaran diperolehi dari Menteri
4. Sekatan kepada dokumen yang dikeluarkan
5. Bilangan kebenaran
6. Sekatan terhadap kandungan Iklan

*Permulaan kuatkuasa : 1hb Ogos, 1973*

1. Peraturan-peraturan ini boleh digelar sebagai Peraturan-peraturan Syarikat-Syarikat Kewangan (Iklan-Iklan). Gelaran
  
2. Dalam Peraturan-peraturan ini :- Tafsiran
  - “iklan” bermakna sebarang pemberitahuan atau pengumuman mengenai dengan perniagaan kewangan –
    - (a) disiarkan di dalam mana-mana suratkhobar, journal atau majalah atau dalam bentuk risalah atau dalam sebarang bentuk apa jua ;
    - (b) dipamerkan pada sebarang papan dinding, papan kenyataan, dinding atap, pagar runcing, pagar, bingkai, papan tanda, pinggan, kain, palang, tiang, turus, kawat, acuan atau lain-lain binaan atau benda ; atau
    - (c) disampaikan secara filem yang termasuk dalam istilah Akta Penapis Filem-filem dan Hiburan Awam. Penggagal 69

“Iklan yang sedia ada” bermakna sebarang iklan yang sedia ada pada tarikh Peraturan-peraturan ini berkuatkuasa.

“menteri” bermakna menteri yang bertanggungjawab bagi kewangan.
  
3. (1) Iklan tidak boleh dibuat tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran secara bertulis daripada Menteri. Kebenaran diperolehi dari Menteri
- (2) Seseorang pemohon bagi mendapatkan kebenaran hendaklah :-
  - (a) membuat permohonan dalam borang sebagaimana yang dikehendaki oleh Menteri ; dan
  - (b) memberikan butir-butir iklan mengenai dengan kebenaran yang dipohonkan dan mengikut cara sebagaimana yang dikehendaki oleh Menteri.
- (3) Menteri boleh, dengan pertimbangannya sendiri memberikan kebenaran untuk sesuatu iklan, dengan atau tanpa mengenakan sebarang syarat atau syarat-syarat kepadanya.
- (4) Bayaran-bayaran yang akan dibayar untuk sesuatu kebenaran di bawah peraturan ini ialah \$100.

[Tambahan]

Sekatan kepada dokumen yang dikeluarkan

4. Tidak ada kebenaran untuk iklan sebagaimana yang dipersyaratkan dalam peraturan 3 dari Peraturan-peraturan ini akan dikehendaki bagi sebarang perniagaan selain dari perniagaan kewangan seperti yang dimaksudkan dalam Akta ini.

Bilangan kebenaran

5. Sebarang iklan dibuat oleh syarikat kewangan yang berlesen hendaklah mengandungi nombor kebenaran iklan.

Sekatan terhadap kandungan iklan

6. Iklan tidak boleh mengandungi sebarang perkara yang menimbulkan atau yang difikirkan sebagai menimbulkan :-

(a) naungan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan atau mana-mana kaum Kerabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia ;

(b) sebarang perhubungan dengan mana-mana Jabatan Kerajaan, badan berkanun atau bangunan atau tempat awam ;

(c) sebarang sifat yang syarikat kewangan itu tidak dapat dengan sesungguhnya mengakui kebenarannya.

S.165/73

(2) PERATURAN-PERATURAN SYARIKAT-SYARIKAT KEWANGAN (BAYARAN-BAYARAN LESEN)

*Permulaan kuatkuasa : 1hb. Ogos, 1973*

Gelaran

1. Peraturan-peraturan ini boleh digelar sebagai Peraturan-peraturan Syarikat-Syarikat Kewangan (Bayaran-Bayaran Lesen).

Bayaran-bayaran Lesen

2. (1) Bayaran-bayaran yang berikut akan dikenakan untuk sesuatu lesen yang dikeluarkan kepada sesebuah syarikat kewangan :-

(a) bagi sesebuah ibu pejabat syarikat kewangan — suatu bayaran tahunan sebanyak tiga ribu ringgit ; dan

(b) untuk sesebuah pejabat cawangan — suatu bayaran tahunan sebanyak satu ribu ringgit.

(2) Jika sesuatu lesen dikeluarkan dalam jarak jangka setengah tahun, maka bayaran yang akan dikenakan ialah seribu lima ratus ringgit untuk sesebuah ibu pejabat, dan lima ratus ringgit untuk sesebuah cawangan pejabat.

(3) Cara-cara bagaimana bayaran-bayaran tersebut akan dikenakan, akan ditentukan oleh Menteri yang bertanggungjawab bagi kewangan.